

Sorotan Literatur Faktor Agama, Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Persekitaran yang Mempengaruhi Kecenderungan Penagihan Dadah

BITARA

Volume 6, Issue 1, 2023: 93-101
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 January 2023
Accepted: 24 February 2023
Published: 19 March 2023

[Literature Review on Religion, Socio Cultural, Socio Economic and Environmental Factors towards The Influence of Drug Addiction Tendency]

Engku Mohammad Fadhli Engku Fauzi,¹ Razi Yaakob,² Ridhuan Tee Abdullah,² Tengku Atikah Engku Fauzi¹ & Mohd Nazmi Che Nordin³

- 1 Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
- 2 Fakulti Pengajian Umum & Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
- 3 Department of Radiography & Medical Imaging, Fatima Collage of Health Sciences, Al-Ain Campus, Abu Dhabi, UAE.

* Corresponding Author: engfadhli96@gmail.com; sl3737@putra.unisza.edu.my

Abstrak

Isu penagihan dadah tidak lagi dilihat sebagai satu perkara asing dalam permasalahan sosial sesebuah negara terutamanya dalam kalangan negara yang membangun. Kebanyakan negara mengambil serius mengenai isu ini sehingga diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara. Di Malaysia, isu penagihan dadah merupakan perkara yang sangat serius sehingga menjadi agenda utama negara yang perlu diberi perhatian. Pelbagai perdebatan dan perbincangan yang telah diusahakan oleh agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), keluarga dan individu berkaitan bagi mengawal serta membendung unsur-unsur yang boleh menyumbang kepada kecenderungan penagihan dadah di negara ini. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sorotan literatur faktor agama, sosio-budaya, sosio-ekonomi, dan persekitaran yang mempengaruhi penagihan dadah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan hasil pengumpulan data yang dilakukan melalui kajian kepustakaan dan sumber data sekunder. Hasil dapatan kajian ini akan memberikan gambaran terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penagihan dadah berdasarkan empat faktor yang telah ditetapkan.

Kata kunci: Penagihan Dadah, Agama, Sosio Budaya, Sosio Ekonomi, Persekitaran

Abstract

Drug addiction issues was no longer seen as distinctive notion in our social problems especially amongst the uprising and developing country. Most countries took serious countermeasures regarding this issues and declared it as number one archenemy. In Malaysia, drug addiction issues was considered as serious matters thus becoming that one main agenda that needed proper attention. Various debates and discussions was already been made by government agencies, no government organisations, families and even individuals themselves in order to cope as well as identifying tendencies to curb this polemic. Therefore, this research is being conducted to find out the symbiotic literatures aligning religious, sociocultural, socioeconomic and environmental factors that influence the drug addiction issues. This research is conducted using qualitative form with data obtained via research and secondary data. The results of this research will give us a better picture of factors that influence drug addiction based on four designated factors.

Keywords: Drug addiction, religious, Sociocultural, socioeconomics, environmental

Cite This Article:

Engku Mohammad Fadhli Engku Fauzi, Razi Yaakob, Ridhuan Tee Abdullah, Tengku Atikah Engku Fauzi & Mohd Nazmi Che Nordin. (2023). Sorotan Literatur Faktor Agama, Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Persekitaran yang Mempengaruhi Kecenderungan Penagihan Dadah [Literature Review on Religion, Socio Cultural, Socio Economic and Environmental Factors towards The Influence of Drug Addiction Tendency]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 93-101.

Pengenalan

Pada tahun 1983, kerajaan telah mengambil satu inisiatif baru dalam usaha memerangi masalah gejala dadah dalam negara. Pada tahun tersebut, masalah ini diumumkan sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara. Falsafah dasar ini ialah untuk melahirkan satu masyarakat yang bebas daripada ancaman dadah. Dasar ini telah diumumkan oleh Y.A.B. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia pada 19 Februari 1983 ketika melancarkan Kempen Anti Dadah. Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Antidadah Kebangsaan dan diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara. Kerajaan telah meluluskan penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan yang bertanggungjawab sebagai Urus Setia kepada Majlis Dadah Kebangsaan dan bertanggungjawab kepada semua tindakan antidadah. Semenjak itu, dadah dianggap sebagai musuh nombor satu negara apatah lagi sasaran utama penagihan dadah ialah generasi muda yang merupakan harapan negara pada masa akan datang.

Undang-undang dadah di Malaysia merangkumi aspek pencegahan hingga rawatan serta pemulihan. Di dalam pelaksanaannya, terdapat kelemahan-kelemahan perundangan yang dikenal pasti secara berterusan dan telah dibuat beberapa pindaan supaya lebih berkesan dan efektif. Penalti berat yang dikenakan adalah menggambarkan kesungguhan kerajaan Malaysia untuk membendung budaya masalah dadah.

Sebenarnya, dadah adalah penting untuk tujuan perubatan tetapi malangnya selalu disalah gunakan oleh segelintir individu yang tidak bertanggungjawab. Dadah memberi kesan yang buruk ke atas sistem badan, tingkah laku manusia dan banyak lagi. Keburukan yang akan diterima oleh pengguna dadah adalah lebih banyak berbanding kebaikan dan manfaatnya yang boleh diperolehi. Jika diteliti, dadah disalah gunakan untuk kepentingan peribadi seperti mendapatkan rasa segar, mengelakkan tekanan hidup, melarikan diri daripada kesengsaraan dan sebagainya.

Kitaran dari salah guna dadah boleh memberi kesan yang buruk kepada sesebuah negara. Ini kerana, masalah salah guna dadah bukan sahaja memberi mudarat kepada mereka yang terlibat tetapi juga kepada keluarga disebabkan oleh stigma masyarakat ke atas pelakunya. Masyarakat berasa terancam dengan wujudnya masalah salah guna dadah dalam kalangan ahli masyarakat di mana akan mengancam keselamatan kehidupan masyarakat, seterusnya menjejaskan keharmonian dan menggugat pembangunan negara. Mereka yang terjerumus dengan penggunaan dadah menjadi kurang produktif dan umur produktif mereka akan hilang begitu sahaja. Laporan Dadah Dunia tahun 2014, menganggarkan seramai 183,000 kematian berkaitan dadah dilaporkan pada tahun 2012. Angka itu sepadan dengan kadar kematian sebanyak 40 kematian bagi setiap juta dalam kalangan penduduk yang berumur 15-64 tahun. Anggaran ini lebih rendah daripada tahun 2011, kerana laporan kematian kurang dilaporkan di beberapa negara di Asia (World Drugs Report, 2014).

Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam kajian ini memfokuskan kepada empat faktor terhadap penagihan dadah yang pertama faktor agama, kedua faktor sosio-budaya, ketiga faktor sosio-ekonomi, dan yang keempat adalah faktor persekitaran. Oleh itu, empat faktor tersebut akan diklasifikasikan dan diperjelaskan secara terperinci agar mudah dibaca dengan berkesan dan juga mudah difahami.

Faktor Agama

Agama dan kehidupan merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Kehidupan beragama bukan sebagai faktor penghalang, malahan jika diteliti dalam konteks yang lebih luas, elemen spiritual tersebut berperanan sebagai faktor pemangkin kepada pembangunan dan ketahanan sosio-ekonomi masyarakat sejagat. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa peranan faktor kerohanian atau faktor-faktor agama boleh membentuk tingkah laku positif. Ini kerana agama memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku manusia (Arnould, Price & Zikhan 2014), dan membentuk tingkah laku bermoral (Geyer & Baumeister, 2005). Barro dan McCleary (2013) mencadangkan agama berfungsi untuk menggalakkan tingkah laku tertentu. Individu yang mempunyai kekuatan dalam spiritual agama akan mewujudkan tingkah laku yang baik dan mencegah seseorang daripada melakukan kejahatan (Brown, Parks, Zimmerman & Phillips, 2016; Ford & Kadushin, 2016; Cochran, Chamlin, Beeghley & Fenwick, 2014).

Kajian juga menunjukkan faktor agama dapat mengurangkan tingkah laku yang tidak bermoral dalam kalangan remaja (iaitu tingkah laku devian) (Giordano et al, 2015). Agama juga memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan tingkah laku anti-sosial dalam masyarakat (Giordano et al, 2015). Kajian yang berkaitan dengan agama juga telah membuktikan bahawa kekuatan kerohanian boleh membentuk kekuatan mental manusia/ psikologi dalam menghadapi masalah kesihatan, penagihan arak, dadah dan seks (Cochran et al, 2014; Giordano et al, 2015).

Faktor Sosio-Budaya

Kajian berkenaan peranan sosio-budaya dalam kalangan penagih adalah berdasarkan kepada gaya hidup, adat budaya, budaya keluarga dan pendidikan. Gaya hidup diibaratkan sebagai orientasi asas individu terhadap kehidupan (Dinkmeyer & Sperry, 2010). Gaya hidup merupakan satu keadaan dinamik yang menggerakkan individu untuk menjalani aktiviti kehidupan. Gaya hidup adalah premis dan jangkaan asas terhadap pergerakan psikologikal dalam kehidupan individu. Analisis gaya hidup merujuk kepada kepaduan gerakan seseorang individu untuk mencapai matlamat yang telah dikenal pasti sama ada matlamat itu bersifat realistik ataupun tidak (matlamat fiksyen).

Pembentukan gaya hidup bergantung kepada corak perkembangan individu sejak zaman kanak-kanak lagi. Othman (2010) menjelaskan bahawa gaya hidup menentukan kesejahteraan individu dalam masyarakat. Analisis gaya hidup digunakan sebagai panduan pemetaan untuk

memahami hala tuju kehidupan individu walaupun individu berkenaan tidak pasti akan tujuannya.

Menurut kajian Mohd Ibrani Shahrinin, Mohamad Fauzi dan Mohd Roslan (2011) mendapati antara faktor-faktor penyebab penagih kembali mengambil dadah adalah ingatan penagih pada dadah masih lagi kuat, hati yang tidak kuat untuk melawan keinginan terhadap dadah, belum wujud keinginan untuk berhenti dari mengambil dadah, sikap dan stigma masyarakat yang memandang negatif, ketiadaan pekerjaan dan wang untuk menampung kehidupan dan kembali bergaul dengan rakan-rakan yang masih lagi mengambil dadah. Selain itu, terdapat kaitan rapat antara penagihan dengan kejadian jenayah. Oleh kerana kehilangan keupayaan dan daya pemikiran untuk berusaha sendiri bagi mendapatkan sesuatu, pengguna dadah akan melakukan jenayah terutamanya yang berkaitan dengan harta benda seperti mencuri, merompak, memecah rumah dan sebagainya bagi mendapatkan wang untuk membeli dadah dan akibatnya, masyarakatlah yang menjadi sasaran tindakan jenayah mereka (Zakaria, 2014).

Faktor kesibukan keluarga dengan urusan masing-masing sangat memberi impak yang besar terhadap kecenderungan penagihan dadah (Daley, 1987; Hawkins & Fraser, 1987; Miller, 1992; Zackon, 1985). Selain itu, tahap komunikasi yang terlalu lemah, longgar, dan interaksi yang terhad juga menyebabkan kecenderungan yang tinggi dalam penagihan dadah (Mohd Taib, Rusli & Mohd Khairi, 2000). Sokongan keluarga yang erat, hubungan keluarga yang utuh, tingkah laku keluarga yang positif, dan penglibatan yang konsisten berupaya untuk menyelamatkan daripada terjerumus ke kancang penagihan dadah (Budhathoki, Shrestha, Acharya & Manandhar, 2006). Terdapat juga faktor keluarga yang mencetuskan penagihan dadah dalam kalangan anak-anak mereka, kerana berpunca daripada budaya keluarga yang sangat memberi kebebasan kepada naka-anak mereka (Maehira, 2013).

Faktor Sosio-Ekonomi

Sosio-ekonomi berkait rapat dengan sektor pekerjaan. Manakala, penyertaan dalam pekerjaan mempunyai hubungan penagihan dadah. Menurut Harrington & Harrington (2002), seseorang itu akan melakukan sesuatu pekerjaan kerana ia sebagai satu keperluan di mana keperluan ini akan memperkukuhkan tingkah laku supaya keperluan ini dapat dipenuhi (2002) dan mempunyai perasaan tanggungjawab kepada keluarga (Leana & Feldman, 1995). Menurut Zlotnick (2002) dan Mazerolle (2004) juga mendapati bahawa mereka yang mendapat bantuan kewangan dan keperluan harian kurang berminat untuk bekerja. Seseorang melakukan sesuatu tindakan kerana mempercayai dapat memperolehi sesuatu hasil yang bermakna (Connor & Sparks, 1999) dan membentuk sikap yang lebih stabil (Ajzen, 2001). Hasil kajian Hergenrather (2004) pula mendapati 85 peratus daripada Informan percaya bahawa dengan bekerja akan memberi hasil yang positif kerana ia mempunyai nilai kepada kehidupan.

Selain daripada itu, penyalahgunaan dadah memberi kesan kepada kos penguatkuasaan undang-undang, kos rawatan dan kos pemulihan yang mana kos-kos ini merupakan kos langsung atau kos eksplisit. Manakala kos implisit disebabkan oleh penyalahgunaan dadah ialah kehilangan masa bekerja dan pengurangan produktiviti (Groose, 1990). Kajian MacCoun et al. (1996) mendapati tahap kelonggaran undang-undang berkaitan pencegahan, penggunaan dan

pengedaran dadah memberi kesan kepada bilangan dan jenis orang yang terlibat, keadaan kesihatan, beban sistem penguatkuasaan dadah, jenayah atau keganasan dan jangkitan penyakit. Kesan ini boleh ditunjukkan dalam terma kewangan dan terma bukan kewangan. Dalam terma kewangan, contoh yang jelas ialah denda yang dikutip, kos rawatan dan kos pemulihan. Kesan terma kewangan boleh dikira dengan mengkaji tahap ketakutan terhadap jenayah yang membawa kepada perbelanjaan pencegahan jenayah akibat daripada penyalahgunaan dadah. Kesan bukan terma kewangan pula ialah pencabulan kebebasan individu, ketakutan akan ditangkap dan kesedaran terhadap ketidaktenteraman awam. Pada umumnya, kedua-dua jenis kesan ini adalah rumit dan sukar diukur dengan tepat. Namun, hal ini memberi kesan kepada sosio-ekonomi.

Faktor Persekitaran

Menurut Mayes & Suchman (2006) dan Hayes et al. (2004) kanak-kanak yang membesar dalam persekitaran berisiko lebih mudah terdedah kepada aktiviti jenayah (contohnya, membuat, membeli dan mengedar dadah terlarang), menyaksikan penggunaan dadah (termasuklah suntikan dadah) dan menjadi biasa serta selesa dengan peralatan berkaitan dadah. Kajian juga mendapati kadar salah guna bahan sangat tinggi dalam kalangan remaja yang tiada tempat tinggal atau mempunyai tempat tinggal tidak tetap dan remaja yang tinggal di rumah bersama keluarga tunggal (Oman et al.2004). Mereka ini terdedah dengan kehidupan yang sukar dan terpinggir. Terdapat juga sesetengah mereka menjadi mangsa penderaan fizikal serta seksual. Menurut Wolfe & Mash 2006; Kirisci et al. (2005) persekitaran yang menekan ini akhirnya membawa kepada risiko tinggi mengembangkan masalah penyalahgunaan bahan dan psikososial.

Dari sudut personaliti pula, seperti dikembangkan oleh teori Kematangan Penggunaan Bahan (*Maturation theory of substance use*) oleh Haley & Baryza (1990) merumuskan pengambilan bahan pada zaman kanak-kanak terhasil daripada tekanan atau kesengsaraan dalam persekitaran rumah mereka sehingga mendorong menggunakan bahan untuk mengawal perlakuannya (Wolfe & Mash 2006). Suasana persekitaran dan sosio-demografi seperti di atas telah mengesahkan bahawa kebanyakan penagih yang dikesan mempunyai tahap pendidikan yang rendah, tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan menganggur (Rafidah, 2007).

Terdapat banyak faktor yang mendorong remaja terjebak dalam kegiatan negatif ini. Teori-teori yang dikemukakan menunjukkan bahawa jika remaja terlalu terdedah kepada faktor-faktor yang berisiko kecenderungan mereka menjadi delinkuen adalah tinggi (Turner et al. 2009). Masalah tingkah laku ini dikesan di persekitaran sosial yang berisiko dan suasana sekolah yang selalunya berinteraksi dengan faktor-faktor lain untuk mempengaruhi tingkah laku devian (Farrel & Flannery 2005). Hal ini menunjukkan faktor persekitaran juga antara faktor yang kuat terhadap risiko penagihan dadah.

Kesimpulan

Masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah yang berlaku di negara kini semakin hari semakin parah dan agak sukar untuk dibendung sekiranya semua lapisan masyarakat

memandang enteng dalam menangani fenomena ini. Mengikut statistik daripada AADK, terlalu ramai yang terlibat dengan dadah daripada pelbagai jenis etnik. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat membantu untuk merungkai faktor-faktor keterlibatan penagihan dadah berdasarkan empat faktor (agama, sosio budaya, sosio ekonomi, dan persekitaran).

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dan membantu pihak berkaitan penagihan dadah khususnya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan lain-lain agensi yang menguruskan penagihan untuk memahami dan menangani masalah ini serta merancang sesuatu tindakan yang lebih berkesan. Hasil kajian juga dapat menyumbang untuk pangkalan data dan menyediakan satu input yang berguna untuk tujuan pembangunan penagih dadah di Malaysia.

Rujukan

- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2021). *Statistik Penagih Dadah Mengikut Etnik 2021*. Portal Rasmi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2014). *Maklumat Dadah 2014*. Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2004). *Laporan status program rawatan dan pemulihan dadah di pusat-pusat serenti*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Agensi Dadah Kebangsaan. (1997). *Kenali dan perangi dadah*. Malaysia, Agensi Dadah Kebangsaan 1997.
- Agensi Dadah Kebangsaan. (1992). *Laporan tahunan ADK dan pasukan petugas anti dadah, dadah apa anda perlu tahu, 1992*.
- Ajzen, I. & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Ajzen, I. (1985). *From Intentions to Actions: A Theory of Planned Behavior*. In: Kuhl, J., Beckmann, J. (eds) *Action Control*. SSSP Springer Series in Social Psychology. Springer, Berlin, Heidelberg.
- Arsat, M., & Besar, A. (2011). *Penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.: satu kajian di pusat serenti Tiang Dua, Melaka*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Asean Centre for Research of Drug Abuse (ACREDA). (2014). *Introduction to drugs*. <http://acreda.usim.edu.my/koleksi-acreda/pengenalan-mengenai-dadah> [8 Ogos 2014].
- Bahr, S. J., Hoffman, J. P. & Yang, X. (2005). Parental and peer influences on the risk of adolescent drug use. *The Journal of Primary Prevention* 26 (6): 529 - 551.
- Barnes, G. M., Welte, J. W., Hoffman, J. H., & Dintcheff, B. A. (2005). Shared Predictors of Youthful Gambling, Substance Use, and Delinquency. *Psychology of Addictive Behaviors*, 19(2), 165–174.
- Bashirian, S., Hidamia, A. R., Allahverdipour, H., & Hajizadeh, E. (2012). Application of the theory of planned behavior to predict drug abuse related behaviors among adolescent. *Journal of Research in Health Science* 12(1): 54-60.
- Bernard, A. (2008). Cadmium & its adverse effects on human health. *Indian Journal of Medical Research*, 128(4):557-564.
- Bourne, P.G. (1973). *Addiction*. London: Academic Press.

- Brown, T. L., Parks, G. S., Zimmerman, R. S., & Phillips, C. M. (2001). The role of religion in predicting adolescent alcohol use and problem drinking. *Journal of Studies on Alcohol*, 62(5), 696–705.
- Callahan, E. J. (1980) Alternative strategies in the treatment of narcotic addiction. In *The Addictive Behaviours* (ed. Miller, W. R.). Oxford, New York: Pergamon.Google Scholar.
- Chew, H. T. (1975). *Masalah perpaduan nasional*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Comber, L., & Ashaari, O. (2007). *Peristiwa 13 Mei: Sejarah perhubungan Melayu – Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Corey, G. (2013). *Theory and practice of counseling and psychotherapy*. Ninth Edition. Copyright 2011 Cengage Learning.
- Dahana, A. (2002). *China dan Malaysia dalam arena perang dingin 1949-74*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- David, D. (2015). Rational emotive behavior therapy (REBT).
- David, D., Kangas, M., Schnur, J.B., & Montgomery, G.H. (2004). *REBT depression manual; Managing depression using rational emotive behavior therapy*. Babes-Bolyai University (BBU), Romania.
- Dryden, W. & Neenam, M. (2004). *Rational emotive behavioural counselling in action*. 3rd Ed., Sage, London.
- Dryden, W. (2003). *Rational Emotive Behaviour Therapy: Theoretical Developments* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203695579>
- Ellis, A. (1958). Rational psychotherapy. *The Journal of General Psychology*. 59(1), 35-49, DOI: 10.1080/00221309.1958.9710170
- Ellis, A. (2005). Discussion of Christine A. Padesky and Aaron T. Beck, “Science and Philosophy: Comparison of Cognitive Therapy and Rational Emotive Behavior Therapy”. *Journal of Cognitive Psychotherapy*, 19, 181-185.
- Ellis, A., & Dryden, W. (2007). *The practice of rational emotive behavior therapy* (2nd ed.). New York: Springer Publishing.
- Ellis, A., David, D., & Lynn, S. J. (2010). Rational and irrational beliefs: A historical and conceptual perspective. In D. David, S. J. Lynn, & A. Ellis (Eds.), *Rational and irrational beliefs: Research, theory, and clinical practice*, 3–22. Oxford University Press.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Geyer, A. L., & Baumeister, R. F. (2005). Religion, Morality, and Self-Control: Values, Virtues, and Vices. *Handbook of the psychology of religion and spirituality*, 412-434.
- Giordano, A. L., Prosek, E. A., Daly, C. M., Holm, J. M., Ramsey, Z. B., Abernathy, M. R., & Sender, K. M. (2015). Exploring the relationship between religious coping and spirituality among three types of collegiate substance abuse. *Journal of Counseling & Development*, 93(1), 70-79.
- Gurr, T. R. (1989). *Protest and Rebellion in the 1960s: The United States in World Perspective. Violence in America: Protest, Rebellion, Reform* (T.R. Gurr, ed.) 101-130. Newbury Park, CA: Sage Publications.

- Haslina H., Abdul Mutalip A., Chai, E. & Regina, G. A. (2009). "Lihat Naga Boleh, Jadi Gokupun Boleh": Kajian Remaja dan Penyalahgunaan Inhalan di Daerah Kuching, Sarawak. *Malaysia Anti-Drugs Journal*, 5(1).
- Havighurst, R. J. (1952). Social and psychological needs of the aging. *Sage Journal*, 279(1).
- Hawkins, J. D., & Fraser, M. W. (1989). The social networks of drug abusers before and after treatment. In *Drug and Alcohol Use*, 73-91. Springer US.
- Holmes, D. (2005). *Communication theory: media, technology and society*. London, Sage Publications.
- Hubbard, R. L., Marsden, M. E., Rachal, J. V., Harwood, H. J., Cavanaugh, E. R., & Ginzburg, H. M. (1989). *Drug Abuse Treatment: A National Study of Effectiveness*. Chapel Hill, NC: University of North Carolina Press.
- Hyland, P., Maguire, R., Shevlin, M., & Boduszek, D. (2014). Rational beliefs as cognitive protective factors against posttraumatic stress symptoms. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive-Behavior Therapy*, 32(4), 297–312.
- Jamri, M. H., Ismail, N., Ahmad, J., & Singh, D. (2019). Kempen Bahaya Penyalahgunaan Dadah: Satu penilaian mengenai keberkesanan strategi media cetak dalam kalangan belia di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 123-135.
- Kandel, D. B., and Yamaguchi, K. (2002). Stages of drug involvement in the U.S. population. In *Stages and Pathways of Drug Involvement: Examining the Gateway Hypothesis* (D.B. Kandel, Ed.), pp. 65–89. Cambridge University Press, Cambridge, UK.
- Kashif, M., Samsi, S. Z. M., Awang, Z., & Mohamad, M. (2016). EXQ: Measurement of healthcare experience quality in Malaysian settings: A contextualize perspective. *International Journal of Pharmaceutical and Healthcare Marketing*, 10(1), 27-47.
- Kelly, P. J., Deane, F. P., McCarthy, Z. & Crowe, T. P. (2011). Using the theory of planned behavior and barrier to treatment to predict intention to enter further treatment following-residential drug and alcohol detoxification. *Addiction Research & Theory* 19: 276-282.
- Khalil, S., Ahmad, R., John Abdullah, S. A., Yusuff, Y., Abdul Rahman, A., Azrae, A. N., & Mohd Shariff, R, N. (2011). Undang –Undang Penagih Dadah 1983(Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1998: Analisa Terma ‘Penagih’ dan ‘Ketagihan’. *Jurnal Anti dadah Malaysia*, 7(1), 15-37.
- Kreek, M. J., Nielsen, D. A, Butelman, E. R. & LaForge, K. S. (2005). Genetic influences on impulsivity, risk taking, stress responsivity and vulnerability to drug abuse and addiction. *Nature neuroscience*, 8(11), 1450– 1457. Doi: 10.1038/nn1583
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Kutcher, E. J., Bragger, J. D., Rodriguez-Srednicki, O., & Masco, J. L. (2010). The role of religiosity in stress, job attitudes, and organizational citizenship behavior. *Journal of Business Ethics*, 95(2), 319–337.
- Ling, L. S. (1995). *The Malaysian Chinese towards vision 2020*. Kuala Lumpur: Pelanduk.

- Maehira, Y., Chowdhury, E. I., Reza, M., Drahozal, R., Gayen, T. K., Masud, I., & Azim, T. (2013). Factors associated with relapse into drug use among male and female attendees of a three-month drug detoxification–rehabilitation programme in Dhaka, Bangladesh: a prospective cohort study. *Harm reduction journal*, 10(1), 14.
- Mahmood, N. M. & Edman, J. L. (2018). *Attribution response among drug addict*. Laporan kajian. Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood, N. M. (2016). *Perubahan psikologikal dari segi harga diri, profail personaliti dan penggunaan mekanisme bela diri di kalangan penagih dadah yang mengikuti program pemulihan serenti* (Tesis Doktor Falsafah). Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majid & Rosmin (1989). *Penggunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar sekolah*. Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 92-107.
- Manab, R. (2013). *Kajian faktor risiko belia terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di negeri Johor*. (Tesis master, tidak diterbitkan) Universiti Teknologi Malaysia. Malaysia.
- Marzillier, J. S. (2005). A sadly neglected cognitive element in depression: A reply to Ellis. *Cognitive Therapy and Research*, 11, 147-151.
- McDonald, D. (2011). Australian governments' spending on preventing and responding to drug abuse target the main sources of drug-related harm and most cost-effective interventions. *Journal Drug and Alcohol Review* 30 (1): 96-100.
- Md Jadi, H. (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed, I., Razak, L. & Mohd Isa, A. M. (2002). *Mengenali dadah dan bahayanya terhadap masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Purcell, V. (1978). *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sadiron, N., Kamaluddin, M. R., Wan Sulaiman, W. S., & Khairudin, R. (2019). Psikologi penagihan dadah: satu tinjauan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33 (1), 12-33.
- Speneer, S. (2005). *Rational emotive behavior therapy: it's effectiveness with children*. (Unpublished master's thesis). University Of Wisconsin – Stout.
- Strauch, J. (1981). *Chinese village politics in the Malaysian state*. Cambridge: Harvard University Press.
- Sulaiman, S., & Ismail, A. (2017). Pengaruh Didikan Keluarga Di Rumah Dalam Kalangan Penagih Dadah: Kajian di Cure & Care Vocational Centre Sepang. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1).
- Sulaiman, Zakaria, & Abu Bakar, N. (2014). *Jenayah yang berkaitan dengan dadah*. Kuala Lumpur: Pustaka Cita Tinggi.
- Taib, A. G. (1989). *Dadah dan pencegahannya di Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan, T. J., Ho, W. F., & Tan, J. L. (2005). *The Chinese Malaysian Contribution*. Kuala Lumpur: Center for Malaysian Chinese Studies.
- Walters, G. D. (1994). *Drug and crime in lifestyle perspective*. London: Sage Publication.
- Warren, J. M. & Gerler, E.R. (2013). Effects of School Counselors' Cognitive Behavioral Consultation on Irrational and Efficacy Beliefs of Elementary School Teachers. *Professional Counselor*, 3(1), 6-15. <https://www.learntechlib.org/p/158543/>